

## Janji Tommy kepada orang ramai

**Peguam Negara  
beri jaminan  
akan teliti  
kes kematian  
Muhammad Adib**

TUAN BUQHAI RAH TUAN  
MUHAMAD ADNAN  
dan AHMAD ISMADI ISMAIL

PUTRAJAYA

Jabatan Peguam Negara (AGC) memberi jaminan akan berusaha sedaya upaya meneliti kes kematian anggota Bomba dan Penyelamat, Muhammad Adib Mohd Kassim. Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas dalam

kenyataannya menegaskan bahawa tiada yang akan terlepas apabila pejabat Pendakwa Raya mendapat kertas siasatan daripada pihak polis setelah mereka (polis) mengenal pasti suspek yang terlibat dengan kematian Muhammad Adib.

"Orang ramai harus diberikan jaminan bahawa Pejabat Pendakwa Raya mengambil serius tanggungjawabnya di bawah undang-undang.

"Jabatan ini akan berusaha sedaya upaya apabila kertas siasatan diserahkan kepada jabatan ini. Ini ada-

lah janji jabatan ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, AGC perlu meneliti kertas siasatan, mempertimbangkan syor polis dan mendakwa individu-individu terlibat.

Beliau berkata, banyak spekulasi dan maklumat yang salah dibangkitkan berhubung langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai agensi kerajaan berikutan keputusan Mahkamah Koroner pada Jumaat lalu.

"Ketua Polis Negara, Abdul Hamid Bador telah beri maklum balas kepada orang ramai bahawa pihak



TOMMY



MIOR FARIDALATRASH

polis akan menyiasat.

"Pihak polis harus diberikan masa dan ruang untuk menjalankan siasatan mereka," katanya.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan dan Undang-undang (D5) Jabatan Siasatan Jenayah (JS) Bukit

Kanun Keseksaan. Kita akan cuba mengesan mereka yang terlibat seperti mana arahan Mahkamah Koroner tersebut untuk dibawa ke muka pengadilan.

"Kesemua saksi inkuies telah dipanggil memberi keterangan kepada polis kita akan memanggil mereka semula jika perlu," katanya pada sidang media di sini semalam.

Pada Jumaat lalu, Koroner Rofiah Mohamad yang mengetuai inkuies Adib memutuskan punca kematian Muhammad Adib, 24, adalah akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenali ketika anggota bomba itu bertugas di Kuil Sri Maha Mariamman Seafeld pada November tahun lalu.